

BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas Pengetahuan Sains Sukan mengandungi 2 bentuk soalan:

- Bahagian A Merupakan soalan struktur yang mengandungi 10 soalan yang wajib dijawab oleh semua calon.
- Bahagian B Merupakan soalan berbentuk esei. Calon dikehendaki menjawab 2 dari 4 soalan. Calon berhak memilih 2 soalan yang mampu memberikan markah yang terbaik untuk calon tersebut.

PRESTASI KESELURUHAN

Pada keseluruhannya, didapati calon peperiksaan SPM Sains Sukan ini adalah baik tetapi masih lagi pada tahap sederhana. Markah maksimum bagi kumpulan terbaik bagi kertas 2 ini adalah agak tinggi, manakala terdapat juga calon yang mendapat markah minimum.

Hanya segelintir calon sahaja berada dalam kelompok markah yang tinggi sementara ramai calon berada dalam kumpulan markah yang sederhana tinggi. Sementara calon yang mendapat markah yang rendah dan minima.

Terdapat calon yang masih gagal menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira. Calon inilah yang memperolehi markah yang paling minima.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON**Calon Dalam Kumpulan Tinggi**

Calon kumpulan ini berjaya menjawab soalan Bahagian A dan Bahagian B dengan kemas, teratur dan baik. Bagaimanapun masih terdapat beberapa kecuai yang telah dilakukan oleh calon. Calon cuai untuk meletakkan unit selepas melakukan pengiraan, tidak melabelkan rajah yang dilukiskan, hanya dibiarkan kosong begitu sahaja.

Calon berjaya memahami kehendak soalan dengan baik. Mereka berjaya menterjemahkan semula soalan kepada jawapan yang diberi. Berjaya menyampaikan idea dengan baik dan cukup kemas. Namun begitu terminologi Sains Sukan yang sepatutnya diaplikasikan/digunapakai pada jawapan tersebut tidak diaplikasikan/digunapakai menyebabkan jawapan mereka itu menjadi kurang tepat dan menyebabkan kurang menjadi markah yang sepatutnya.

Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Calon dalam kumpulan ini dapat menjawab soalan Bahagian A dan Bahagian B dengan baik tetapi agak kurang memahami kehendak soalan dengan baik. Mereka sepatutnya mampu menjawab dengan lebih baik, tetapi oleh kerana kurang memahami kehendak soalan dengan baik maka jawapan yang diberikan agak longgar. Calon-calon cuai untuk meletakkan unit selepas membuat pengiraan dan tidak memberikan contoh-contoh yang berkaitan bagi mengukuhkan hujah dan jawapan yang diberikan. Penggunaan terminologi dalam Sains Sukan juga agak kurang menyebabkan mereka kehilangan markah yang banyak.

Calon Dalam Kumpulan Rendah

Calon-calun didapati kurang dan tidak memahami kehendak soalan, serta cuai. Ayat-ayat yang dinyatakan tidak mengukuhkan jawapan yang diberikan oleh mereka. Kebanyakan daripada mereka ini sangat lemah dalam penulisan dan terdapat beberapa orang calon yang menunjukkan tidak boleh menulis. Mereka ini kemungkinan besar adalah calon yang tercicir dalam PMR. Tidak mempunyai asas dalam mata pelajaran Sains dan Matematiks.

PRESTASI TERPERINCI

Semua calon dikehendaki/diwajibkan menjawabnya.

Bahagian A

Soalan 1a

Ramai calon berjaya menjawab soalan ini dengan baik dan tepat. Soalan ini adalah lebih kepada pengenalan dan pengurusan Sains Sukan.

Soalan 1b

Ramai calon juga berjaya menjawab soalan ini dengan tepat. Ia juga adalah soalan yang berkonsepkan pengenalan dan pengurusan Sains Sukan.

Soalan 2a

Ramai calon yang mempunyai asas sains yang kukuh dapat menjawabnya dengan baik. Tetapi penggunaan terminologi anatomi dan fisiologi masih agak longgar dan kurang. Soalan yang tidak mengelirukan para calon tetapi disebabkan kurangnya penggunaan fakta dan terminologi menyebabkan calon yang tidak berjaya menjawabnya.

Soalan 2b

Soalan yang berpandukan kepada rajah yang diberikan. Ramai calon yang ada asas sains yang baik dapat menjawabnya, Bagaimanapun calon yang kurang asas sains tidak berjaya menjawab soalan tersebut.

Soalan 2c

Ramai calon dapat menjawab soalan tersebut. Ini termasuklah calon yang lemah. Bagaimanapun terdapat juga calon yang tidak dapat mengingat fakta dan terminologi.

Soalan 3a

Sebilangan besar calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Bagaimanapun calon yang sederhana markahnya memberikan jawapan yang kurang tepat dan longgar ulasannya ataupun contoh yang diberikan.

Soalan 3b

Ramai calon dapat menjawabnya. Namun ada juga calon yang kurang mengingati fakta dan memberikan jawapan yang kurang tepat.

Soalan 4a

Ramai calon yang tidak berjaya menjawab soalan ini. Calon nampaknya tidak memahami kehendak soalan. Kemungkinan calon terkeliru mengingati fakta.

Soalan 4b

Calon didapati berjaya menjawabnya tetapi bagi calon yang sederhana dan lemah tidak dapat memberikan jawapan yang baik atau tepat.

Soalan 4c

Sebahagian calon dapat menjawab soalan dengan tepat. Manakala sebahagian lagi juga gagal menjawabnya dengan baik dan kemas.

Soalan 5a

Segelintir calon sahaja dapat menjawab dengan tepat mengikut kehendak soalan. Kebanyakan calon tidak memahami kehendak soalan. Soalan yang diberi itu tidak mengelirukan calon. Ini mungkin disebabkan calon tidak mengingati fakta dan kurang mengingati atau memahami penjelasan yang hendak diberikan.

Soalan 5b

Ramai calon yang tidak berjaya menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan yang dikemukakan agak longgar dan menggunakan terminologi biasa. Kebanyakan calon tidak mengingati fakta dan terminologi yang sesuai bagi soalan tersebut.

Soalan 5c

Kebanyakan calon nampaknya kurang mahir membuat perbezaan seperti yang dikehendaki oleh soalan tersebut. Kebanyakan calon sebenarnya mampu menjawab jika soalan tersebut tidak memerlukan pernyataan "perbezaan".

Soalan 6a

Soalan sebenarnya jelas dan tidak mengelirukan. Agak ramai calon yang tidak memahami kehendak soalan tersebut. Ini menyebabkan mereka menjawab berdasarkan apa yang terlintas di fikiran sahaja.

Soalan 6b

Soalan sebenarnya jelas, tetapi oleh kerana ramai calon kemungkinan tidak berpengalaman dan berpengetahuan dalam bidang sukan menyebabkan calon memberikan jawapan yang tidak kukuh. Mereka ini nampaknya kurang mengalami praktikal.

Soalan 6c

Segelintir calon sahaja yang berjaya memberikan contoh yang baik dan tepat serta sesuai. Ada calon yang tidak mampu memberikan sebarang contoh yang mampu diterima oleh pemeriksa yang berkaitan dengan sukan.

Soalan 7a

Ramai calon dapat menjawabnya dengan baik dan tepat, Bagaimanapun mereka gagal menggunakan terminologi Sains Sukan yang tepat. Ini menyebabkan calon yang sederhana tidak berjaya mendapatkan markah penuh dari soalan ini.

Soalan 7b

Ramai calon berjaya menjawabnya dengan tepat. Soalan tidak mengelirukan. Calon dapat mengingat fakta dengan baik sekali.

Soalan 7c

Sebahagian calon yang baik dan kukuh asas matematik dapat menjawabnya dengan sempurna. Bagi calon yang sederhana, mereka dapat menunjukkan jalan pengiraan yang betul tetapi disebabkan kecuaiian, mereka memberikan jawapan salah serta tidak meletakkan unit pengiraan selepas memberikan jawapan mereka.

Soalan 8a

Sebahagian calon tidak dapat menjawabnya dengan kemas. Kemungkinan calon-calon kurang pengetahuan dalam sukan tidak mampu memberikan penerangan yang kukuh berkaitan dengan pergerakan (biomekanik) sukan tersebut.

Soalan 8b

Soalan jelas. Bagaimanapun ramai calon tidak memahami kehendak soalan. Ini menyebabkan calon gagal memberikan hujah yang bernas terhadap jawapan mereka.

Soalan 9a

Ramai calon didapati gagal menjawab soalan ini dengan baik. Kemungkinan calon-calon yang berpengetahuan dalam bidang sukan. Calon kebanyakannya memberikan hujah yang longgar dan tidak dapat menyokong jawapan yang mereka berikan itu.

Soalan 9b

Calon boleh menjawab soalan ini tetapi agak longgar. Calon tidak mengingat fakta yang berkaitan. Kebanyakan calon yang sederhana pula tidak menjawab berdasarkan kepada soalan yang diberikan. Mereka kurang faham kehendak soalan.

Soalan 9c

Soalan tidak mengelirukan tetapi calon-calon tidak dapat membezakan di antara permainan dengan aksi dalam permainan. Ramai calon gagal mendapat markah penuh dalam soalan ini disebabkan kekeliruan mereka itu sendiri.

Soalan 10a

Soalan yang berdasarkan kepada fakta, bukan rekaan. Calon hanya perlukan pemerhatian, kefahaman dan penganalisan sahaja. Kemungkinan calon keliru dengan fakta yang mereka perolehi menyebabkan mereka tersilap meletak jawapan pada tempat yang sebenarnya, Mereka nampaknya seperti tidak pasti jawapan mana perlu diberikan.

Soalan 10b

Sebahagian calon tidak mahir membaca graf yang diberikan di dalam soalan tersebut. Soalan tertumpu kepada fakta dan penjelasan yang menyebabkan kejadian tersebut boleh berlaku terhadap anatomi dan biomekanik manusia. Oleh kerana kekeliruan fakta, calon gagal menjawabnya dengan tepat.

Soalan 10c

Kebanyakan calon sebenarnya kekurangan kemahiran memberikan perbezaan seperti yang dikehendaki oleh soalan tersebut. Mereka memberikan jawapan tetapi tidak menunjukkan sebarang perbezaan seperti yang dikehendaki oleh soalan itu.

Bahagian B (20 markah)

Calon boleh menjawab *mana-mana dua* soalan dalam bahagian ini.

Soalan 1

Ramai calon yang menjawab soalan ini. Soalan ini adalah berdasarkan kepada Tunjang 1: Pengenalan Sains Sukan iaitu pengurusan sukan. Bagaimanapun, tidak ramai dikalangan calon yang berjaya mendapatkan markah penuh.

Soalan ini nampak agak mudah dijawab tetapi calon-calon sebenarnya perlu faham, tahu di antara peraturan dan undang-undang dalam sukan. Hanya sedikit calon sahaja yang berjaya menjawab dengan mendapat markah yang agak tinggi. Manakala calon-calon lain gagal mendapatkan markah yang sepatutnya.

Soalan 2

Tiga perempat calon menjawab soalan ini dan memperoleh markah yang agak tinggi. Bagi calon-calon yang berada di dalam kelas sains serta mempunyai asas sains dan matematik yang kukuh sudah pasti berjaya menjawabnya dengan baik.

Soalan 3

Ramai calon yang menjawab soalan ini. Malangnya calon-calon kurang memahami kehendak soalan. Ini menyebabkan mereka tidak mampu memperoleh markah yang baik. Mereka memberikan jawapan yang agak longgar.

Soalan 4

Terdapat calon yang mencuba menjawab soalan yang berasaskan biomekanik ini, Soalan ini memerlukan penganalisan yang baik bagi memudahkan calon menghuraikan jawapan mereka dengan tepat dan baik.

Calon gagal memberikan contoh aksi sukan yang berkaitan dengan pergerakan seperti yang dikehendaki oleh soalan.

SARANAN KEPADA CALON

1. Memahami kehendak soalan, diharapkan dapat membacanya berkali-kali dan teliti.
2. Menyemak kembali jawapan yang telah ditulis supaya tepat dengan kehendak soalan.
3. Para bakal calon harus mempunyai asas yang kuat atau berada dalam kelas aliran sains supaya kefahamannya dalam topik biologi, fizik dan kimia boleh membantu mereka mengaplikasikan dalam struktur tubuh manusia dalam sukan.
4. Bakal calon semestinya mengambil berat berkaitan dengan terminologi sukan, disiplin sains dan matematik supaya dapat membantu memberikan contoh sukan atau aksi dalam sukan yang berkaitan.
5. Cuba mengumpul contoh-contoh aksi sukan yang berkaitan dengan biomekanik, anatomi dan fisiologi.
6. Digalakkan melayari laman web dengan bantuan guru untuk mendapatkan maklumat lanjut berkaitan dengan topik yang terdapat di dalam Buku Sumber.

SARANAN KEPADA GURU

1. Memberi penekanan cara menjawab soalan yang melibatkan perbezaan/perbandingan. Ramai calon sebenarnya mampu menjawab dengan baik tetapi disebabkan kurang mendapat pendedahan untuk teknik menjawab, telah menyebabkan mereka kehilangan markah.
2. Berikan mereka latihan tubi menjawab soalan.
3. Galakkan mereka mencari bahan sains sukan dari internet yang melibatkan seluruh negara termasuklah dari aspek terminologinya.
4. Penekanan yang serius perlu diberikan terhadap topik Anatomi dan fisiologi, Latihan Fizikal, Lakuan motor dan biomekanik. Topik banyak kaitannya dengan mata pelajaran biologi, fizik dan kimia. Seboleh-bolehnya dikaitkan dengan pergerakan tubuh manusia dengan sukan.
5. Adakan juga latihan amali, walaupun tidak terdapat dalam sukatan pelajaran supaya bakal calon lebih faham dan jelas.
6. Bahan Bantu Belajar perlu diwujudkan. Contoh: Carta Penyediaan Pengurusan Sukan Dalam Sistem Liga dan Sistem Kalah Mati. Calon akan dapat melihatnya

dengan lebih jelas. Perbincangan diantara calon dan calon serta guru akan lebih menarik lagi.

7. Elakkan dari terlalu bergantung kepada Buku Sumber yang sedia ada. Berikan tumpuan kepada Sukatan Pelajaran.
8. Jika boleh, perbanyakkan buku rujukan Sains Sukan dalam semua disiplin supaya calon dapat membuat rujukan dengan lebih kemas lagi.